

30 AUG 1997

Mahathir-hutang

HUTANG NEGARA DALAM MATAWANG ASING NAIK 10 PERATUS

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hutang negara dalam matawang asing telah naik 10 peratus atau lebih berikutan kegiatan pelabur asing meraih keuntungan.

"Kegiatan mereka meraih keuntungan sudah melenyapkan lebih RM450,000 juta daripada pasaran modal kita dan mengurangkan kekayaan kita sebanyak 10 peratus", katanya ketika merasmikan perhimpunan agung MCA ke-44, di Wisma MCA di sini.

Beliau berkata pendapatan per kapita negara yang sebelum ini meningkat kepada US\$4,600, sekarang telah turun kepada US\$4,200.

Perdana Menteri mensifatkan pelabur asing dari negara tertentu yang tidak pernah mendirikan apa-apa industri di negara ini dan hanya berminat untuk main pasaran saham sebagai tidak mengenang budi.

"Setelah mendapat keuntungan sekian lama daripada kemajuan negara ini, mereka sekarang cuba meruntuhkan ekonomi negara kita dengan menyerang ringgit kita dan pasaran saham kita," katanya.

Sehubungan itu beliau menyeru semua pihak di negara ini bersatu hati dan bertindak bersama dalam menghadapi masalah kewangan dan pasaran saham yang sedang dialami negara dengan membeli saham ketika harganya menurun dan tidak terlibat dalam kegiatan spekulasi yang menurunkan nilai ringgit.

"Janganlah kita menyertai kegiatan mencari keuntungan daripada masalah yang dihadapi oleh negara. Sebaliknya kita semua patut menolong memulihkan ekonomi kita," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun negara menghadapi masalah pada ketika ini ia tidak seharusnya dihadapi dengan kekecewaan tetapi sebaliknya rakyat harus menganggap masalah itu sebagai cabaran yang akan memberi kekuatan dan pengajaran kepada negara.

Menurutnya apa yang berlaku kepada negara membuktikan bahawa dunia tanpa sempadan boleh menjadi "hutan liar yang penuh dengan binatang liar" dan Malaysia sebagai negara kecil tidak dapat menutup sempadannya.

"Tetapi kata pepatah Melayu "Tak boleh patahkan tanduk, telinga dipulas". Kita akan mendapatkan kemahiran untuk hidup dalam hutan ini dan menggunakan kemahiran itu untuk menangani binatang-binatang liar yang berkeliaran di dalamnya," katanya.

"Yang penting ialah dalam usaha mengatasi masalah ekonomi negara, kita perlu terus mempunyai kestabilan politik," katanya.

Sehubungan itu beliau mengingatkan parti-parti dalam Barisan Nasional (BN) supaya menentukan mereka kukuh dan stabil serta memberi sokongan kepada konsep persefahaman dalam perhubungan sesama sendiri.

"Walau apa pun yang menyerang kita, selagi BN kuat, mempunyai majoriti yang besar, kita akan dapat mengatasi masalah berkenaan" katanya.

Beliau turut mengingatkan setiap kaum di Malaysia supaya sanggup mengorbankan sedikit hak mereka kerana terdapat pihak lain yang juga menuntut hak yang sama dan mereka juga tidak akan dapat semua yang diminta.

"Jika kita sanggup berkorban dan akui bahawa orang lain juga terpaksa berkorban dan kerana itu negara aman dan makmur secara keseluruhannya kita akan mendapat semua yang kita tuntut," katanya.

Perhimpunan pada pagi ini dihadiri sejumlah 1500 perwakilan. Turut hadir Presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan anggota jawatankuasa tertinggi parti MCA serta wakil-wakil parti komponen BN.--BERNAMA

ZAB TM WAT